

Headline **Guru hadiahkan Myvi dimenangi kepada isteri**
Date **15. Jun 2009** Language **MALAY**
Media Title **Berita Harian** Page No **33**
Section **Sentral** Article Size **113** cm2
Circulation **192917** Frequency **Daily**
Readership **1521000** Color **Black/White**
AdValue **1551.14**



Guru hadiahkan Myvi dimenangi kepada isteri

PETALING JAYA: Seorang guru tidak pernah menyangka keputusannya menyertai peraduan 'Beli Buku Institut Terjemahan Negara (ITNM) dan Menangi Hadiah Bernilai RM100,000' membolehkan beliau membawa pulang kereta Perodua Myvi.

Jamaluddin Aloji, 49, dipilih sebagai pemenang utama peraduan ITNM yang dianjurkan sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2009 pada April lalu berdasarkan jawapan tepat dan slogan yang menarik.

Guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Karang, Selangor itu berkata, beliau menyertai peraduan berkenaan dengan membeli dua buku terbitan ITNM iaitu Bisik Warna karya Sasterawan Negara, Datuk A Samad Said dan Dunia Sophie hasil nukilan Jostein Gaarder.

"Saya membelanjakan RM85 untuk dua buku berkenaan yang dibeli untuk bacaan keluarga, kebetulan pula buku Dunia Sophie itu adalah novel terlaris, sekali gus mendorong saya untuk membeli novel itu.

"Saya tidak pernah menyangka slogan 'membongkar rahsia ilmu, menjana rakyat maju' itu membolehkan saya dipilih menjadi pemenang utama peraduan ini. Saya sangat bersyukur dan berterima kasih kepada ITNM serta Perodua kerana dipilih sebagai pemenang.

"Memandangkan saya sudah mempunyai kereta, jadi Myvi ini saya akan hadiahkan kepada isteri, Nor Azizah Tarmuji untuk memudahkan beliau berulang alik ke tempat kerja," katanya ketika ditemui selepas majlis penyampaian hadiah peraduan itu, di sini, baru-baru ini.

Hadiah disampaikan Pengarah eksekutif Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua), Zainal Abidin Ahmad dan Pengarah Urusan ITNM, Mohd Khair Ngadiron.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif AmInvestment Management Sdn Bhd, Datin Maznah Mahbob.

Selain hadiah utama yang ditaja Perodua, wang tunai tajaan Ambank turut diberikan kepada pemenang pertama dan dua pemenang tempat kedua.

Mempertaruhkan slogan 'rakyat dapat menambah ilmu, Malaysia pantas maju, minda nombor satu', guru dari Bukit Angkasa, Pantai Dalam, Amiruddin Md Ali Hanafiah dipilih sebagai pemenang pertama.